



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 2 FEBRUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PETANI OKU TERIMA BANTUAN, NASIONAL, SH -19 MOA SASAR 1,000 PESERTA TERIMA BANTUAN, NASIONAL, SH -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	TERENGGANU FARMERS GET RM92,235 IN DISASTER AID, NEWS IN BRIEF, NST -16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	BAZAR PEDULI RAKYAT CATAT JUALAN LUMAYAN, SINAR NEGERI MELAKA/N9, SH -33	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	JADI BURUAN DEK KEMANISANNYA, XPRESI, METRO AHAD -34	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Petani OKU terima bantuan

Bantuan bernilai RM8,000 menerusi Program Rezeki Tani di bawah MOA

Oleh NORHASPIDA YATIM

MARANG

**B**antuan menerusi Program Rezeki Tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang diterima seorang petani orang kurang upaya (OKU) mampu meningkatkan hasil tanaman sayuran fertigasi yang diusahakannya.

Zuliadin Abdullah, 50, yang tidak boleh berjalan kerana mengalami penyakit gout sejak lapan tahun lalu berkata, bantuan yang diterimanya merangkumi benih tanaman, baja, pam racun, pam elektrik dan tangki air bernilai RM9,000.

Beliau yang mengusahakan tanaman timun mengakui sejak harga timun jatuh kebelakangan ini, jualanannya agak terganggu, malah adakalanya dia mengalami kerugian.

"Dari segi tanaman tiada masalah, cuma cabaran harga timun yang rendah dan labakan di pasaran menyebabkan kesukaran untuk memasarkan tanaman tersebut.

"Buat masa ini harga timun sekitar 80 sen hingga RM1 bagi setiap sekilogram," katanya kepada *Sinar Harian* di tapak tanaman timun beliau di Kampung Rusila di sini ketika menerima kunjungan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub kelmarin.

Zuliadin berkata, bantuan yang diterimanya itu sedikit sebanyak dapat membantunya menghasilkan timun yang lebih berkualiti, sekali gus menjamin persaingan di pasaran.

Menurutnya, ia juga dapat memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah yang berkecimpung dalam bidang pertanian untuk meningkatkan lagi hasil penda-



Salahuddin (kiri) meninjau tapak tanaman sayuran fertigasi yang diusahakan Zuliadin (tengah) di Kampung Rusila, Marang kelmarin.

**S**aya bersyukur kerana terpilih menerima bantuan ini dan saya harap ia dapat membantu menyelesaikan masalah modal yang saya hadapi."

- Zuliadin

patan mereka.

"Saya bersyukur kerana terpilih menerima bantuan ini dan saya harap ia dapat membantu menyelesaikan masalah modal yang saya hadapi.

"Selain bantuan ini, saya juga memerlukan bantuan bumbung untuk kawasan penanaman timun bagi memastikan tanaman tersebut lebih segar dan subur," katanya yang telah mengusahakan tanaman timun sejak sebulan lalu.

Zuliadin kini dibantu seramai empat pekerja tetap yang terdiri dalam kalangan rakan termasuk anaknya, Toriq Mujahid, 23.

Katanya, dia menyasarkan peningkatan hasil pendapatan mencecah RM3,000 hingga RM4,000 sebulan bagi tujuh tapak tanaman seluas hampir 0.8 hektar yang diusahakannya itu.

## MOA sasar 1,000 peserta terima bantuan

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya menyasarkan seramai 1,000 peserta akan menerima bantuan peruntukan sebanyak RM10 juta menerusi Program Rezeki Tani yang dijalankan dalam tempoh dua tahun bermula pada tahun 2019 hingga 2020.

Menurutnya, Program Rezeki Tani merupakan program di bawah MOA yang bertujuan membantu peserta meningkatkan pendapatan melalui projek ekonomi yang dijalankan.

Katanya, ia melibatkan aktiviti pengeluaran, pemrosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan, selain mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran melalui latihan.

Perlaksanaan program tersebut dibahagikan kepada tiga jabatan dan tujuh agensi di bawah Kementerian iaitu Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF),

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Lembaga Perubuhan Peladang (LPP), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"LPP telah membantu seramai 50 peserta untuk menerima bantuan pada 2019 di Semenanjung Malaysia. Seramai tujuh peserta dari Terengganu.

"Ini adalah program berkesan yang diwujudkan supaya golongan berkenaan dapat berdikari dengan bantuan sebanyak RM10,000 yang diberikan.

"Program ini akan diteruskan dan saya akan pastikan kita akan meningkatkan lagi bantuan serta jumlah penerima," kata beliau.



Salahuddin melihat pokok timun yang diusahakan Zuliadin di Kampung Rusila, Marang kelmarin.



## Terengganu farmers get RM92,235 in disaster aid

**SETIU:** The Agriculture and Agro-Based Industry Ministry has channelled RM92,235 from its Padi Cultivation Disaster Fund to 47 farmers, who were affected by natural disasters in Terengganu last year. Its minister, Datuk Seri Salahuddin Ayub, said RM51,051 was given to 18 farmers from the Setiu Area Farmers' Organisation and RM41,184 to 29 farmers from the Kuala Terengganu Area Farmers' Organisation. "The National Farmers' Organisation handed RM15,000 to 260 people whose homes were damaged by floods. The ministry will ensure that the welfare of farmers is taken care of in the aftermath of a disaster," he said. **Berna-**  
**ma**

2/2/2020

SINAR  
NEGERI  
SINAR NEGERI  
MELAKA/N9

33

## Bazar Peduli Rakyat catat jualan lumayan

**JELU** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan merekodkan nilai jualan sebanyak RM126,876 menerusi program Bazar Peduli Rakyat (BPR) tahun lepas.

Exco Pertanian dan Industri Aşas Tani Negeri Sembilan,

Bakri Sawir berkata, ia merupakan hasil keseluruhan jualan direkodkan melibatkan enam kali penganjurannya di negeri itu sejak Mei tahun lepas.

“Di Taman Kemuning, Senawang kita memperoleh nilai jualan berjumlah RM87,121 dengan penglibatan 90 usaha-

wan tani manakala di Kampung Rawa, Lenggeng nilai jualan mencecah RM39,755 dengan penglibatan 69 usahawan tani,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat@Jelebu di sini kelmarin.

Turut hadir Pengarah FAMA negeri, Asmizal Jaafar; Pengarah Perikanan negeri, Halimi Abu Hanip dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr Nik Hamidah Nik Husin.

Mengenai BPR Jelebu di Kuala Klawang, Bakri berkata, ia merupakan lokasi terbaharu di negeri itu membabitkan seramai 29 usahawan yang menawarkan harga barangan keperluan harian sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran. - *Bernama*



Bakri (dua dari kiri) melihat buah durian ketika melancarkan Bazar Peduli Rakyat di Kuala Klawang kelmarin.

PHOTO: BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2020	METRO AHAD	XPRESI	34



# JADI BURUAN DEK KEMANISANNYA

Penjagaan nanas 'cobek' tidak rumit, Mohd Alida juga pelajari teknik menanam daripada LPNM

SEKILOGRAM nanas 'cobek' boleh mencecah RM10.

## AGRO

Oleh Muhamad Razis Ismail  
razis@hmetro.com.my

Pada mulanya dia hanya menyewakan tanah milik arwah ayahnya di Pulau Kerbau, Tumpat kepada individu lain untuk aktiviti pertanian.

Bagaimanapun, selepas berdepan masalah dengan penyewa tanah itu, Mohd Alida 'em Ibrahim, 46, mengambil keputusan mengusahakan nanas 'cobek' yang diketahui daripada rakannya.

Difahamkan di Kelantan, ada satu lagi kebun nanas 'cobek' di Kuala Krai, namun jumlahnya tidak sebanyak yang dimiliki Mohd Alida.

Dia menjadi antara individu yang terawal menanam nanas

varieti itu di Kelantan sejak Jun tahun lalu.

Uniknya, berbanding nanas jenis lain, untuk dimakan buah jenis ini hanya perlu dicubit dengan jari tanpa menggunakan pisau.

Jadi tidak hairanlah, dari mana nanas 'cobek' ini mendapat namanya.

Rasanya yang manis dan sedap sentiasa menjadi buruan peminat nanas sehingga ada pembeli dikatakan menjual nanas 'cobek' palsu.

Nanas ini kini mula mendapat perhatian ramai termasuk Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang mahu mendaftarkan di bawah varieti nanas kebangsaan, AC13 dalam masa terdekat.

Pengerusi LPNM, Datuk Abdul Malik Abul Kassim yang melawat kebun milik Mohd



LPNM berhasrat mendaftarkan nanas cobek di bawah varieti nanas kebangsaan, AC 13.



MOHD Alida (kiri) bersama pekerjaannya menunjukkan nanas cobek.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/2/2020	METRO AHAD	XPRESI	35



Alida baru-baru ini dilaporkan berkata pendaftaran itu akan dimohon menerusi Jabatan Pertanian Putrajaya sebaik selesai proses penyelidikan.

"Saya menanam nanas 'cobek' bersama MD2 itu di atas tanah seluas 8.09 hektar milik arwah ayah. Selain berpotensi besar, nanas juga boleh ditanam dalam kuantiti yang banyak berbanding tanaman lain.

"Ketika ini, saya difahamkan tanaman jenis ini masih kurang kerana masih baru diperkenalkan.

"Saya tanam secara berperingkat untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

"Alhamdulillah, sejak mula menanam nanas ini, ia mendapat sambutan menggalakkan dan permintaan tinggi kerana rasanya yang manis," kata Mohd Alida.

Menurutnya, dia turut mempelajari teknik menanam nanas LPNN yang banyak membantu penjagaan tanaman itu.

"Penjagaan nanas ini mudah dan tidak memerlukan penjagaan rapi.

"Penggunaan air tidak banyak dan baja perlu diberikan dalam tempoh tiga bulan sekali. Hasil akan diperolehi sekitar setahun dengan berat boleh mencecah sehingga dua kilogram.

"Bagaimanapun, kita perlu berjaga-jaga dengan haiwan perosak termasuk babi, kera dan monyet selain masalah hanjit," katanya yang juga seorang kontraktor.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Mohd Alida ingin memperbanyakkan lagi nanas 'cobek' yang mendapat permintaan tinggi di pasaran tempatan.

"Kini jumlah sedia ada belum mencukupi untuk menampung permintaan pasaran.

"Saya juga sedia membantu orang ramai yang ingin bersama-sama menanam tanaman ini," katanya.



TANAMAN nanas 'cobek' kini semakin mendapat perhatian.

ABDIA, Malik (dua dari kanan) turut tertarik dengan nanas ini.



NANAS 'cobek' dapat sambutan menggalakkan.

